



17 JULAI 2023



Latihan TVET bantu Orang Asli keluar dari belunggu kemiskinan

GUA MUSANG: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diperkenalkan kerajaan dilihat mampu mengubah sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di negara ini.

Program yang membabitkan kemahiran itu dijangka mampu mengeluarkan masyarakat Orang Asli yang tinggal di pedalaman daripada kepompong kemiskinan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Sapiah Mohd Nor, berkata dianggarkan 80 hingga 90 peratus masyarakat Orang Asli masih berada di bawah paras kemiskinan, terutama selepas garis kemiskinan ditingkatkan oleh kerajaan. Beliau berkata, susulan itu JAKOA sudah merangka pelbagai program dengan peruntukan yang ada bagi membantu masyarakat di pedalaman itu keluar dari garis kemiskinan yang membabitkan program infra, pembangunan jalan, rumah, selain sektor ekonomi melalui bantuan pertanian, keusahawanan dan latihan.

"Malah kami sedang menumpukan program TVET kepada masyarakat Orang Asli untuk lebih fokus kepada bidang kemahiran di mana mereka boleh meningkatkan taraf pendapatan yang sedia ada.

"Antara program yang tersedia adalah dandanan, gunting rambut, solekan, masakan, kemahiran membaiki bengkel motor kenderaan dan juga elektrik," katanya.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan penutup Karnival Sukan Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu di Dewan Datuk Ariffin Said di Ibu Pejabat KESEDAR Gua Musang di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah JAKOA Kelantan dan Terengganu, Roslina Bun.

Sapiah berkata, program TVET sedang dilaksanakan oleh pihaknya di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW).

Katanya, pendedahan dan latihan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli itu turut menyediakan peluang kerjaya, selain mereka boleh menjana pendapatan sendiri.

"Dengan menyertai program TVET ini, masyarakat orang Asli dapat menyumbang kepada ekonomi negara dan sekali gus meningkatkan ekonomi keluarga dan seterusnya keluar dari paras kemiskinan.

"Pelaksanaan TVET ini membabitkan beberapa agensi di bawah Kementerian KKDW, antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta FELCRA Berhad," katanya.